

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JUNE 2017

Dr. Mahathir sudah tiada modal politik

Um - 22/6/2017 ps.9

KUALA LUMPUR 21 Jun - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan konco-konco dalam Pakatan Harapan diketuai DAP yang dipercayai bersekolong dengan pihak luar untuk memfitnah serta memburukkan barisan kepimpinan negara ditempelak.

Pengerusi Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Malaysia, Datuk Seri Jamal Md. Yunus berkata, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu seolah-olah tiada lagi modal untuk berpolitik sehingga sanggup bersubahat dengan pihak luar semata-mata ingin memenuhi kepentingan peribadi.

"Sikap Dr. Mahathir dan konco-konconya ini seperti 'biawak hidup'. Tindakan buruk dilakukan kerana mereka tiada modal lagi. Pelbagai isu dibangkitkan sebelum ini dapat dipatahkan satu-persatu sebab isu sebelum ini hanya fitnah semata-mata.

"Kami membantah sekeras-kerasnya cara politik pembangkang yang diketuai Dr. Mahathir ini kerana kaedah tersebut tidak beradab selain bersifat merosak-

kan negara dan akhlak masyarakat Malaysia," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Sementara itu, Jamal turut mempersoalkan dakwaan Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat dan pembangkang berhubung pembelian barang kemas bernilai AS\$27.3 juta (RM116 juta) untuk isteri seorang pegawai tinggi negara ini.

Sambil menunjukkan tiga utas rantai dan sebentuk cincin, beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar mengumumkan turut memiliki barangan berharga sedemikian.

"Bagaimana kita hendak percaya dakwaan DoJ dan pembangkang ini sebab saya juga mempunyai kalung yang berharga jutaan ringgit seperti yang didakwa mereka.

"Ini membuktikan semua dakwaan yang dilemparkan pembangkang terhadap barisan kepimpinan negara ini sebenarnya mempunyai agenda tersembunyi,"

katanya.

Dalam perkembangan sama, Jamal turut mempertikaikan tindakan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman membuat laporan polis terhadap Raja Petra Kamarudin mengenai DoJ semalam, sebaliknya Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada) PPBM itu perlu menggesa Dr. Mahathir dan Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjawab segala persoalan yang dibangkitkan barisan majlis tertinggi parti tersebut.



JAMAL MD. YUNUS

"Tindakan Syed Saddiq ini membuktikan mereka sekadar ingin menutup kelemahan sedia ada malah dibuktikan sepanjang Ramadan, ramai yang telah keluar daripada PPBM kerana tidak lagi yakin dengan kepemimpinan parti tersebut.

"Dr. Mahathir sepatutnya menjelaskan mengenai kekayaan anaknya yang diperoleh dalam masa singkat manakala Muhyiddin pula perlu menjawab tuduhan skandalnya dengan seorang wanita yang juga isteri orang," katanya.